



KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

“PEMBAYARAN SAMAN JPJ MELALUI APLIKASI MyJPJ DAN INISIATIF TAWARAN KOMPAUN KHAS KADAR RATA (*FLATE RATE*)”

PUTRAJAYA, 2 JANUARI 2025 – Bagi tahun 2025, YB Menteri Pengangkutan Malaysia telah mengumumkan inisiatif pendigitalan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia bagi memastikan kelestarian penyampaian perkhidmatan JPJ kepada rakyat terutamanya melibatkan aspek penguatkuasaan iaitu inisiatif menerusi Pembayaran Saman melalui Aplikasi MyJPJ.

Seiring dengan usaha pendigitalan JPJ Malaysia, pertambahan fungsi baharu **Pembayaran Saman melalui Aplikasi MyJPJ** bermula 2 Januari 2025 merupakan usaha penyampaian perkhidmatan JPJ selari dengan perkembangan teknologi bagi memudahkan rakyat menyelesaikan saman menerusi telefon bimbit. Orang awam boleh muat turun Aplikasi MyJPJ melalui platform mudah alih *Apple App Store*, *Google Play Store* dan *Huawei AppGallery*.

Selaras dengan pengumuman inisiatif pendigitalan tersebut, YB Menteri Pengangkutan Malaysia juga telah mengumumkan **Inisiatif Kadar Kompaun Khas Kadar Rata (*Flate Rate*) – RM150** kepada notis-notis saman JPJ yang terpilih bermula 3 Januari 2025 hingga 30 Jun 2025.

Perincian Inisiatif Kadar Kompaun Khas Kadar Rata (*Flate Rate*) adalah seperti berikut :

1. Hanya tiga (3) notis saman JPJ akan diberikan dengan kadar rata (*flate rate*) RM150 :
 - i. Saman AwAS (Saman 53A) - Oktober 2018 sehingga kini;
 - ii. Notis 114 (Notis Panggilan Temu Siasat) - Tahun 2023 dan ke bawah; dan
 - iii. Notis 115 / Notis JPJ (P 23) (Permintaan Butir-Butir Pemandu) - Tahun 2023 dan ke bawah.

2. Semakan saman boleh dilakukan oleh orang awam melalui saluran berikut :
 - i. Aplikasi MyJPJ;
 - ii. Portal Awam mySIKAP;
 - iii. Kios JPJ;
 - iv. JPJ Mobile; dan
 - v. Kaunter JPJ.
3. Kaedah pembayaran tawaran Kadar Kompaun Khas tersebut boleh dilakukan oleh orang awam melalui saluran yang disenaraikan kecuali saluran MyEG dan Pejabat Pos Malaysia:
 - i. Aplikasi MyJPJ;
 - ii. Portal Awam mySIKAP;
 - iii. Kios JPJ;
 - iv. JPJ Mobile; dan
 - v. Kaunter JPJ.
4. Sepanjang tempoh tawaran Kadar Kompaun Khas ini, tiada pengumpulan Mata Demerit dikenakan. Disamping itu, JPJ Malaysia akan membuat kajian semula berhubung kaedah pelaksanaan Sistem Mata Demerit ke atas pemandu.

Orang awam disaran untuk menyelesaikan notis-notis saman JPJ yang disenaraikan dalam tempoh tawaran berkenaan dan kegagalan mengambil peluang ini akan mengakibatkan berlaku sekatan urus niaga selepas tempoh tawaran pembayaran khas kompaun ini berakhir.

JPJ Malaysia sentiasa komited dan berusaha memastikan ekosistem penyampaian perkhidmatan JPJ berlandaskan kepada kesejahteraan dan kelestarian rakyat.

**KETUA PENGARAH PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA
2 JANUARI 2025**

[TAMAT]